

**GARIS PANDUAN TATACARA PEMBACAAN
DOA DALAM MAJLIS-MAJLIS RASMI DAN SEPARUH RASMI KERAJAAN**

1. TUJUAN

Garis panduan ini disediakan sebagai panduan kepada pihak Istana, kerajaan Negeri Perak dan pihak-pihak yang terlibat menganjurkan sesuatu Majlis Rasmi dan Majlis Separuh Rasmi yang melibatkan pembacaan doa.

2. PENDAHULUAN

2.1 Doa adalah suatu perbuatan yang diiktiraf oleh Syarak sebagai amal ibadat. Ia merupakan satu tanda kerendahan dan kebergantungan para hamba terhadap Allah S.W.T. Ia boleh dilakukan secara individu atau berkumpulan. Sesuatu doa itu hendaklah dilakukan dengan ikhlas, khusyuk, tertib, penuh tawadu' dan mesti dilakukan dengan cara yang sesuai dengan kehendak syarak. Ini bermakna doa tidak boleh dilakukan sebagai suatu budaya atau 'adat. Doa merupakan satu cara hidup yang diajar oleh Rasulullah Sallallahu 'alaihi wasallam dan diperakui sebagai "senjata" bagi orang Mukmin.

2.2 Sebagai suatu ibadah, doa hendaklah dilakukan di tempat yang betul, masa yang sesuai dan suasana yang baik. Garis Panduan doa ini adalah bagi bacaan doa secara berkumpulan atau beramai-ramai yang dilakukan dalam mana-mana majlis atau upacara rasmi atau separuh rasmi di negeri ini.

3. RASIONAL

Perlembagaan Persekutuan (Perkara 3) memperuntukkan bahawa agama Islam adalah Agama Bagi Persekutuan. Oleh itu amalan membaca doa dalam Majlis-majlis Rasmi dan Separuh Rasmi Kerajaan adalah suatu amalan yang suci dan murni sesuai dengan kedudukan agama Islam di negara ini.

4. TAKRIF

4.1. Majlis Rasmi.

Majlis Rasmi adalah suatu majlis yang dianjurkan oleh Kerajaan Persekutuan atau Kerajaan Negeri.

4.2. Majlis Separuh Rasmi.

Majlis Separuh Rasmi adalah majlis yang dianjurkan selain dari kerajaan tetapi dihadiri oleh para pembesar atau pemimpin negara, sama ada di peringkat negeri atau persekutuan (negara).

4.3. Doa.

Doa ialah satu ucapan permohonan iaitu memohon dari hamba (manusia) kepada Allah dengan hati yang ikhlas bagi mendapat rahmat, inayah (pertolongan) dan juga bagi dijauhkan dari bala' bencana dengan cara dan adab yang tertentu.

5. TARAF PEMBACA DOA

5.1 Pembaca doa bagi majlis di peringkat negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan Perak, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri Perak atau Sahibus Samahah Timbalan Mufti Negeri Perak atau Imam Besar Negeri atau mana-mana Pegawai Kanan Jabatan Mufti atau Jabatan Agama Islam Perak atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut.

5.2 Pembaca doa bagi majlis di peringkat negeri yang dihadiri oleh Duli Yang Teramat Mulia Raja Muda atau Duli Yang Amat Mulia Raja DiHilir atau Pemimpin Persekutuan dan Negeri, doa hendaklah dibaca oleh Sahibus Samahah Mufti Negeri atau Sahibus Samahah Timbalan Mufti Negeri Perak atau Imam Besar Negeri atau mana-mana Pegawai Kanan Jabatan Mufti atau Jabatan Agama Islam Perak atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut.

- 5.3 Pembaca doa bagi majlis di peringkat daerah yang dihadiri oleh mana-mana ahli kenamaan, pemimpin persekutuan dan negeri, doa hendaklah dibaca oleh Pegawai Tadbir Agama Daerah terbabit atau mana-mana pegawai kanan di daerah tersebut atau amalan yang biasa diguna pakai oleh negeri tersebut
- 5.4 Bagi majlis-majlis lain, pembaca doa boleh dilantik daripada kalangan mereka yang layak, seperti mana dalam para 6 di bawah.

6. KRITERIA PEMBACA DOA

- 6.1 Pembaca doa mestilah seorang Islam, lelaki dan baligh. boleh menyebut perkataan-perkataan dalam Bahasa Melayu dan Arab dengan tepat, fasih dan betul.
- 6.2 Pembaca doa mestilah seorang individu yang mempunyai akhlak dan sahsiah yang baik yang tidak dipertikai oleh pendengar dan masyarakat.
- 6.3 Pembaca doa disarankan mengetahui kesesuaian doa yang akan dibaca berdasarkan tema dan objektif bagi satu-satu majlis yang diadakan.

7. TATACARA PEMBACA DOA

- 7.1 Pembaca doa hendaklah datang ke majlis lebih awal sebelum majlis dimulakan.
- 7.2 Pembaca doa hendaklah memastikan dimana tempat bacaan doa akan dilakukan.
- 7.3 Sebelum memulakan doa, pembaca doa hendaklah memberi tanda hormat kepada tetamu khas dan lain-lain tetamu yang hadir.
- 7.4 Pembaca doa hendaklah mengangkat tangan ketika berdoa.
- 7.5 Pembaca doa hendaklah membaca dengan nada suara yang sesuai dengan maksud ayat di samping suara yang jelas, tidak terlalu laju dan hendaklah dibaca dengan khusyuk serta tawadu'.
- 7.6 Tidak digalakkan pembaca doa membalikkan tangan taktala memohon tolak bala'.

8. ADAB-ADAB UMUM KETIKA BERDOA

8.1 Disarankan kepada pembaca doa agar dapat memelihara adab-adab umum ketika membaca doa sebaik-baiknya, seperti :

8.1.1 Mencari waktu yang mustajab, di antara waktu yang mustajab adalah hari Arafah, Ramadhan, petang hari Jumaat, dan waktu sahur atau sepertiga malam terakhir.

Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda :

ينزل الله تعالى كل ليلة إلى السماء الدنيا حين يبقى ثلث الليل الأخير فيقول عز وجل :
من يدعوني فأستجب له، من يسألني فأعطيته، من يستغفرتني فأغفر له

“Allah turun ke langit dunia setiap malam, ketika tersisa sepertiga malam terakhir. Allah berfirman, ‘Siapa yang berdoa kepada-Ku, Aku kabulkan, siapa yang meminta, akan Aku beri, dan siapa yang memohon ampunan pasti Aku ampuni.’”

(Riwayat Muslim)

8.1.2 Memanfaatkan keadaan dan suasana yang mustajab untuk berdoa. Diantara keadaan yang mustajab untuk berdoa adalah : ketika perang, turun hujan, ketika sujud, antara azan dan iqamah, atau ketika puasa menjelang berbuka. Abu Hurairah *radhiallahu'anhu* mengatakan, “Sesungguhnya pintu-pintu langit terbuka ketika jihad fi sabilillah sedang berkecamuk, ketika turun hujan, dan ketika iqamah shalat wajib. Manfaatkanlah untuk berdoa ketika itu.”

(Syarhus Sunnah al-Baghawi, 1: 327)

Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda, “Doa antara adzan dan iqamah tidak tertolak.”

(HR. Abu Daud, Nasa'i, dan Tirmidzi)

Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda, “Keadaan terdekat antara hamba dengan Tuhannya adalah ketika sujud. Maka perbanyaklah berdoa.”

(Riwayat . Muslim)

8.1.3 Menghadap kiblat dan mengangkat tangan tanpa melihat ke atas ketika berdoa.

Dari Jabir *radhiallahu 'anhu*, bahwa Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika berada di Padang Arafah, beliau menghadap kiblat, dan beliau terus berdoa sampai matahari terbenam.

(Riwayat Muslim)

Dari Salman *radhiallahu 'anhu*, bahwa Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda, “*Sesungguhnya Tuhan kalian itu Malu dan Maha Memberi. Dia malu kepada hamba-Nya ketika mereka mengangkat tangan kepada-Nya kemudian hambanya kembali dengan tangan kosong (tidak dikabulkan).*”

(Riwayat. Abu Daud dan Tirmidzi)

Cara mengangkat tangan:

Ibnu Abbas *radhiallahu'anhu* mengatakan, bahwa Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* ketika berdoa, beliau menggabungkan kedua telapak tangannya dan mengangkatnya setinggi wajahnya (wajah menghadap telapak tangan).

(Riwayat Al. Thabrani)

8.1.4 Dengan suara lirih (perlahan-lahan) dan tidak dikeraskan.

Allah S.W.T. berfirman,

وَلَا تَجْهَرُ بِصَلَاتِكَ وَلَا تُخَافِتُ بِهَا وَابْتَغِ بَيْنَ ذَلِكَ سَبِيلًا

“*Janganlah kalian mengeraskan doa kalian dan janganlah pula merendahnya dan carilah jalan tengah di antara kedua itu.*” (QS. Al-Isra: 110)

Allah S.W.T memuji Nabi Zakaria *'alaihis salam*, yang berdoa dengan penuh khusyu' dan suara lirih.

ذِكْرُ رَحْمَتِ رَبِّكَ عَبْدَهُ زَكَرِيَّا (2) إِذْ نَادَى رَبَّهُ نِدَاءً خَفِيًّا

“(Yang dibacakan ini adalah) penjelasan tentang rahmat Tuhan kamu kepada hamba-Nya, Zakaria, yaitu tatkala ia berdoa kepada Tuhannya dengan suara yang lembut.”

(QS. Maryam: 2–3)

Allah S.W.T. juga berfirman,

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

“Berdoalah kepada Tuhanmu dengan berendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”

(QS. Al-A'raf: 55)

Dari Abu Musa *radhiallahu'anhu* bahwa suatu ketika para sahabat pernah berzikir dalam keadaan berteriak. Kemudian Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* mengingatkan

يَا أَيُّهَا النَّاسُ ، اذْبَعُوا عَلَى أَنْفُسِكُمْ ، فَإِنَّكُمْ لَا تَدْعُونَ أَصَمًّا وَلَا غَائِبًا ، إِنَّهُ مَعَكُمْ ،
إِنَّهُ سَمِيعٌ قَرِيبٌ

“Wahai manusia, kasihanilah diri kalian. Sesungguhnya kalian tidak menyeru Dzat yang tuli dan tidak ada, sesungguhnya Allah bersama kalian, Dia Maha mendengar lagi Maha dekat.” (Riwayat Bukhari)

8.1.5 Tidak dibuat bersajak dan berlebihan dalam kalimat doa.

Doa yang terbaik adalah doa yang ada dalam Al Quran dan Al sunnah. Allah S.W.T.

ادْعُوا رَبَّكُمْ تَضَرُّعًا وَخُفْيَةً إِنَّهُ لَا يُحِبُّ الْمُعْتَدِينَ

“Berdoalah kepada Tuhanmu dengan berendah diri dan suara yang lembut. Sesungguhnya Allah tidak menyukai orang-orang yang melampaui batas.”
(Surah . Al-A'raf: 55).

8.1.6. Khusyu', merendahkan hati, dan penuh pengharapan

Allah S.W.T. berfirman,

إِنَّهُمْ كَانُوا يُسَارِعُونَ فِي الْخَيْرَاتِ وَيَدْعُونَنَا رَغَبًا وَرَهَبًا وَكَانُوا لَنَا خَاشِعِينَ

“Sesungguhnya mereka adalah orang-orang yang selalu bersegera dalam (mengerjakan) perbuatan-perbuatan yang baik dan mereka berdoakepada Kami dengan harap dan cemas. Dan mereka adalah orang-orang yang khusyu' kepada Kami.” (Surah Al-Anbiya': 90)

8.1.7 Memantapkan Hati Dalam Berdoa dan Berkeyakinan Untuk Dikabulkan

Nabi S.A.W. bersabda :

لا يقل أحدكم إذا دعا اللهم اغفر لي إن شئت اللهم ارحمني إن شئت ليعزم المسألة فإنه

لا مكره له

“Janganlah kalian ketika berdoa dengan mengatakan, ‘Ya Allah, ampunilah aku jika Engkau mau. Ya Allah, rahmatilah aku, jika Engkau mau’. Hendaknya dia mantapkan keinginannya, karena tidak ada yang memaksa Allah.”
(Riwayat Bukhari dan Muslim)

Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu*, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda, "Apabila kalian berdoa, hendaknya dia mantapkan keinginannya. Karena Allah tidak keberatan dan kesulitan untuk mewujudkan sesuatu." (HR. Ibn Hibban dan dishahihkan Syua'ib Al-Arnauth)

Di antara bentuk yakin ketika berdoa adalah hatinya sadar bahwa dia sedang meminta sesuatu. Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu*, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda,

ادعوا الله وأنتم موقنون بالإجابة واعلموا أن الله لا يستجيب دعاء من قلب غافل لاه

"Berdoalah kepada Allah dan kalian yakin akan dikabulkan. Ketahuilah, sesungguhnya Allah tidak mengabulkan doa dari hati yang lalai, dan lengah (dengan doanya)."

(HR. Tirmidzi dan dishahihkan Al-Albani)

Banyak orang yang lalai dalam berdoa atau bahkan tidak tahu isi doa yang dia ucapkan. Karena dia tidak paham bahasa Arab, sehingga hanya dia ucapkan tanpa direnungkan isinya.

8.1.8 Mengulang-ulang Doa dan Merengek-rengok Dalam Berdoa
Mislanya,: Ya Allah, ampunilah hambu-MU, ampunilah hambu-MU..., ampunilah hambu-MU yang penuh dosa ini. ampunilah ya Allah.... Dia ulang-ulang permohonannya. Semacam ini menunjukkan kesungguhannya dalam berdoa.

Ibn Mas'ud mengatakan, Rasulullah *shallallahu 'alaihi wa sallam* apabila beliau berdoa, beliau mengulangi tiga kali. Dan apabila beliau meminta kepada Allah, beliau mengulangi tiga kali. (HR. Muslim)

8.1.9 Tidak tergesa-gesa agar segera dikabulkan, dan menghindari perasaan: mengapa doaku tidak dikabulkan atau kalihatannya Allah tidak akan mengabulkan doaku.

Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda,

يُسْتَجَابُ لِأَحَدِكُمْ مَا لَمْ يَعْجَلْ يَقُولُ دَعْوَتُهُ فَلَمْ يُسْتَجَبْ لِي

“Akan dikabulkan (doa) kalian selama tidak tergesa-gesa. Dia mengatakan, ‘Saya telah berdoa, namun belum saja dikabulkan.’” (HR. Bukhari dan Muslim)

Sikap tergesa-gesa agar segera dikabulkan, tetapi doanya tidak kunjung dikabulkan, menyebabkan dirinya malas berdoa. Dari Abu Hurairah *radhiallahu ‘anhu*, Nabi *shallallahu ‘alaihi wa sallam* bersabda :

لا يزال الدعاء يستجاب للعبد ما لم يدع بإثم أو قطيعة رحم، ما لم يستعجل، قيل:

يا رسول الله وما الاستعجال؟ قال: يقول قد دعوت وقد دعوت فلم أر يستجيب لي،

فيستحسر عند ذلك ويدع الدعاء رواه مسلم

“Doa para hamba akan senantiasa dikabulkan, selama tidak berdoa yang isinya dosa atau memutus silaturahmi, selama dia tidak terburu-buru.” Para sahabat bertanya, “Ya Rasulullah, apa yang dimaksud terburu-buru dalam berdoa?” Beliau bersabda, “Orang yang berdoa ini berkata, ‘Saya telah berdoa, Saya telah berdoa, dan belum pernah dikabulkan’. Akhirnya dia putus asa dan meninggalkan doa.” (HR. Muslim dan Abu Daud)

Sebagian ulama mengatakan: “Saya pernah berdoa kepada Allah dengan satu permintaan selama dua puluh tahun dan belum dikabulkan, padahal aku berharap agar dikabulkan. Aku meminta kepada Allah agar diberi taufiq untuk meninggalkan segala sesuatu yang tidak penting baguku.”

8.1.10. Memulai Doa dengan Memuji Allah dan Bershalawat Kepada Nabi SAW

Bagian dari adab ketika memohon dan meminta adalah memuji Dzat yang diminta. Demikian pula ketika hendak berdoa kepada Allah. Hendaknya kita memuji Allah dengan menyebut nama-nama-Nya yang mulia (Asma-ul husna).

Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam pernah mendengar ada orang yang berdoa dalam shalatnya dan dia tidak memuji Allah dan tidak bershalawat kepada Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam. Kemudian beliau bersabda, "Orang ini terburu-buru." kemudian beliau bersabda,

إِذَا صَلَّى أَحَدُكُمْ فَلْيَبْدَأْ بِتَحْمِيدِ رَبِّهِ جَلَّ وَعَزَّ وَالثَّنَاءِ عَلَيْهِ ثُمَّ لِيُصَلِّ عَلَى النَّبِيِّ صَلَّى اللَّهُ عَلَيْهِ

وَسَلَّمَ ثُمَّ يَدْعُو بِمَا شَاءَ

"Apabila kalian berdoa, hendaknya dia memulai dengan memuji dan mengagungkan Allah, kemudian bershalawat kepada Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam. Kemudian berdoalah sesuai kehendaknya."

(HR. Ahmad, Abu Daud dan dishahihkan Al-Albani)

8.1.11. Memperbanyak Taubat dan Memohon Ampun Kepada Allah Banyak mendekati diri kepada Allah merupakan sarana terbesar untuk mendapatkan cintanya Allah. Dengan dicintai Allah, doa seseorang akan mudah dikabulkan. Di antara amal yang sangat dicintai Allah adalah memperbanyak taubat dan istighfar.

Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu*, Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam bersabda,

وَمَا تَقَرَّبَ إِلَيَّ عَبْدِي بِشَيْءٍ أَحَبَّ إِلَيَّ مِمَّا افْتَرَضْتُ عَلَيْهِ ، وَمَا يَزَالُ عَبْدِي يَتَقَرَّبُ إِلَيَّ

بِالنَّوَافِلِ حَتَّى أُحِبَّهُ ، فَإِذَا أَحْبَبْتُهُ كُنْتُ...، وَإِنْ سَأَلَنِي لِأَعْطِيَنَّهُ ، وَلَئِنْ اسْتَعَاذَنِي لِأُعِيْدَنَّهُ

"Tidak ada ibadah yang dilakukan hamba-Ku yang lebih Aku cintai melebihi ibadah yang Aku wajibkan. Ada hamba-Ku yang sering beribadah kepada-Ku dengan amalan sunah, sampai Aku mencintainya. Jika Aku mencintainya maka..jika dia meminta-Ku, pasti Aku berikan dan jika minta perlindungan kepada-KU, pasti Aku lindungi.." (HR. Bukhari)

Diriwayatkan bahwa ketika terjadi musim kekeringan di masa Umar bin Khatab, beliau meminta kepada Abbas untuk berdoa. Ketika berdoa, Abbas mengatakan, “Ya Allah, sesungguhnya tidaklah turun musibah dari langit kecuali karena perbuatan dosa. dan musibah ini tidak akan hilang, kecuali dengan taubat...”

8.1.12. Hindari Mendoakan Keburukan, Baik Untuk Diri Sendiri, Anak, Maupun Keluarga.

Allah Subhanahu wa Ta'ala berfirman, mencela manusia yang berdoa dengan doa yang buruk,

وَيَدْعُ الْإِنْسَانُ بِالشَّرِّ دُعَاءَهُ بِالْخَيْرِ وَكَانَ الْإِنْسَانُ عَجُولًا

“Manusia berdoa untuk kejahatan sebagaimana ia berdoa untuk kebaikan. Dan adalah manusia bersifat tergesa-gesa.” (QS. Al-Isra': 11)

وَلَوْ يُعَجِّلُ اللَّهُ لِلنَّاسِ الشَّرَّ اسْتِعْجَالَهُمْ بِالْخَيْرِ لَفُضِي إِلَيْهِمْ أَجْلُهُمْ

“Kalau sekiranya Allah menyegerakan keburukan bagi manusia seperti permintaan mereka untuk menyegerakan kebaikan, pastilah diakhiri umur mereka (binasa).” (QS. Yunus: 11)

Ayat ini berbicara tentang orang yang mendoakan keburukan untuk dirinya, hartanya, keluarganya, dengan doa keburukan.

Dari Jabir *radhiallahu'anhu*, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda :

لا تدعوا على أنفسكم، ولا تدعوا على أولادكم، ولا تدعوا على خدمكم، ولا تدعوا

على أموالكم، لا توافق من الله ساعة يسأل فيها عطاء فيستجاب لكم

“Janganlah kalian mendoakan keburukan untuk diri kalian, jangan mendoakan keburukan untuk anak kalian, jangan mendoakan keburukan untuk pembantu kalian, jangan mendoakan keburukan untuk harta kalian. Bisa jadi ketika seorang hamba berdoa kepada Allah bertepatan dengan waktu mustajab, pasti Allah kabulkan.” (HR. Abu Daud)

Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu*, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda :

لا يزال الدعاء يستجاب للعبد ما لم يدع بإثم أو قطيعة رحم

“Doa para hamba akan senantiasa dikabulkan, selama tidak berdoa yang isinya dosa atau memutus silaturahmi.” (HR. Muslim dan Abu Daud)

8.1.13. Menghindari Makanan dan Harta Haram

Makanan yang haram menjadi sebab tertolaknya doa. Dari Abu Hurairah *radhiallahu'anhu*, Nabi *shallallahu 'alaihi wa sallam* bersabda :

أَيُّهَا النَّاسُ إِنَّ اللَّهَ طَيِّبٌ لَا يَقْبَلُ إِلَّا طَيِّبًا وَإِنَّ اللَّهَ أَمَرَ الْمُؤْمِنِينَ بِمَا أَمَرَ بِهِ الْمُرْسَلِينَ فَقَالَ

(يَا أَيُّهَا الرُّسُلُ كُلُوا مِنَ الطَّيِّبَاتِ وَاعْمَلُوا صَالِحًا إِنِّي بِمَا تَعْمَلُونَ عَلِيمٌ) وَقَالَ (يَا أَيُّهَا

الَّذِينَ آمَنُوا كُلُوا مِنْ طَيِّبَاتِ مَا رَزَقْنَاكُمْ) . ثُمَّ ذَكَرَ الرَّجُلَ يُطِيلُ السَّفَرَ أَشْعَثَ أَغْبَرَ

يُمْدُ يَدَيْهِ إِلَى السَّمَاءِ يَا رَبِّ يَا رَبِّ وَمَطْعَمُهُ حَرَامٌ وَمَشْرَبُهُ حَرَامٌ وَمَلْبَسُهُ حَرَامٌ وَعُذِي

بِالْحَرَامِ فَأَنَّى يُسْتَجَابُ لِذَلِكَ

“Wahai sekalian manusia, sesungguhnya Allah itu thoyib (baik). Dia tidak akan menerima sesuatu melainkan yang baik pula. Dan sesungguhnya Allah telah memerintahkan kepada orang-orang mukmin seperti yang diperintahkan-Nya kepada para Rasul. Firman-Nya, ‘Wahai para Rasul! Makanlah makanan yang baik-baik

(halal) dan kerjakanlah amal shalih. Sesungguhnya Aku Maha Mengetahui apa yang kamu kerjakan'. Dan Allah juga berfirman, 'Wahai orang-orang yang beriman! Makanlah rezeki yang baik-baik yang telah kami rezekikan kepadamu'. Kemudian Nabi shallallahu 'alaihi wa sallam menceritakan tentang seroang laki-laki yang telah lama berjalan karena jauhnya jarak yang ditempuhnya. Sehingga rambutnya kusut, masai dan berdebu. Orang itu mengangkat tangannya ke langit seraya berdo'a, 'Wahai Tuhanku, wahai Tuhanku'. Padahal, makanannya dari barang yang haram, minumannya dari yang haram, pakaiannya dari yang haram dan diberi makan dengan makanan yang haram, maka bagaimanakah Allah akan mengabulkan do'anya?' (HR. Muslim)

9. PAKAIAN

Pembaca doa hendaklah memakai pakaian yang bersesuaian dengan majlis yang dianjurkan dan jika memakai pakaian kebangsaan hendaklah lengkap bersampin dan bersongkok.

10. TEKS DOA

10.1 Mukaddimah Doa Dan Penutup

- i. Permulaan doa hendaklah mengandungi lafaz **بِسْمِ اللَّهِ الرَّحْمَنِ الرَّحِيمِ** disusuli dengan puji-pujian kepada Allah Ta'ala dan seterusnya selawat ke atas Nabi Muhammad Sallahu 'alaihi wasallam.
- ii. Doa seelok-eloknya didahului dengan bacaan dalam Bahasa Arab dan diikuti dengan doa dalam bahasa-bahasa lain.
- iii. Pada bahagian akhir doa seelok-eloknya mengandungi bacaan selawat dan Tahmid dalam Bahasa Arab.

10.2 Isi Kandungan Doa

- i. Teks doa hendaklah mengandungi permohonan untuk keselamatan, kesejahteraan umum dan diikuti dengan permohonan doa secara khusus sesuai dengan majlis berkenaan.
- ii. Isi kandungan doa juga boleh diterjemah dalam Bahasa Inggeris, Arab dan bahasa-bahasa lain, sesuai dengan hadirin dan majlis tersebut.
- iii. Teks doa setiap perenggan sebaik-baiknya disebut nama-nama Allah (Asmaul Husna) dan sifat-sifat Allah sesuai dengan perkara yang dipohon seperti 'Ya Razzaq' (Yang Maha Pemberi Rezeki) bagi doa untuk memohon rezeki.
- iv. Sekiranya majlis yang dianjurkan dihadiri oleh Duli Yang Maha Mulia Paduka Seri Sultan atau Duli-Duli Tuanku sama ada sebagai perasmi majlis atau jemputan khas atau wakil, pembaca doa hendaklah menyebut secara khusus doa kesejahteraan yang ditujukan kepada Baginda sendiri sebagai satu penghormatan kepada pemimpin agama Islam paling tinggi dalam Negeri.
- v. Teks doa juga sewajarnya menyebut doa kesejahteraan secara umum kepada pemimpin-pemimpin negara serta ummah keseluruhannya.
- vi. Teks doa tidak perlu menyebut perkataan-perkataan yang boleh menimbulkan suasana tidak harmoni di kalangan masyarakat dan negara.

10.3 Masa Pembacaan Doa

- i. Masa berdoa bagi majlis rasmi atau separuh rasmi baik-baiknya pada permulaan majlis tersebut.
- ii. Tempoh masa untuk membaca doa tidak melebihi 7 minit.

10.4 Tempat Majlis Berdoa

- i. Hendaklah di tempat perhimpunan yang bertujuan untuk kebaikan dan bersesuaian dengan ajaran Islam.
- ii. Tempat yang tidak mencemarkan kesucian agama Islam.
- iii. Majlis berkenaan tidak mengandungi unsur-unsur maksiat¹, khurafat² dan bertentangan dengan syariat Islam.

10.5 Tempat Pembaca Doa

- i. Penganjur hendaklah menyediakan tempat duduk yang sesuai untuk pembaca doa.
- ii. Tempat bacaan doa hendaklah di atas pentas (jika ada pentas).

11. MAJLIS YANG DITEGAH UNTUK BACAAN DOA

- i. Majlis yang mengandungi perayaan agama lain atau terdapat acara kebudayaan, nyanyian atau hiburan³ yang bercampur baur dengan perkara-perkara yang bercanggah dengan syarak sama ada persembahannya atau seni katanya.

¹ Maksiat dari segi bahasa bermakna derhaka dan maksiat dari segi istilah ialah perbuatan yang membawa dosa iaitu yang bertentangan dengan akidah, syariat dan ajaran Islam sama ada dengan melakukan larangan Allah dan Rasul atau meninggalkan suruhan Allah dan Rasul-Nya, dengan kata lain melakukan yang haram dan meninggalkan yang wajib. Perbuatan tersebut memberi kesan kepada kehidupan seseorang dalam akidah, syariat ataupun akhlak (sila rujuk keputusan Muzakarah Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-39 yang bersidang pada 21 Sep 1995)

² Khurafat ialah semua cerita atau rekaan atau khayalan, ajaran-ajaran, pantang larang, adat istiadat, ramalan-ramalan, pemujaan atau kepercayaan yang menyimpang dari ajaran Islam. Khurafat juga merangkumi cerita dan perbuatan yang direka dan bersifat karut atau dusta (sila rujuk keputusan Muzakarah Khas Jawatankuasa Fatwa Majlis Kebangsaan Bagi Hal Ehwal Ugama Islam Malaysia Kali Ke-40 yang bersidang pada 9 Aug 1996).

³ Hiburan yang diharuskan perlu memenuhi syarat-syarat berikut :

- i. Tujuan penganjuran nyanyian untuk kebaikan
- ii. Berpakaian sopan serta menutup aurat
- iii. Tidak bercampur aduk lelaki perempuan sehingga menimbulkan fitnah dan merangsang kemaksiatan
- iv. Senikata/ lirik bermutu dan tidak bercanggah dengan hukum syarak
- v. Tempat dan gaya persembahan yang tidak mengundang maksiat

- ii. Majlis yang melibatkan penyembahan dan atau memberi penghormatan kepada tugu atau patung.

12. PENUTUP

Panduan Membaca Doa Dalam Majlis Rasmi Dan Separuh Rasmi ini diharap dapat dijadikan rujukan panduan kepada panduan kepada pihak Istana, kerajaan Negeri Perak dan pihak-pihak yang terlibat serta pembaca-pembaca doa khususnya dan penganjur program rasmi dan separuh rasmi amnya.